

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 26.09.2024 MASA: 05.00 PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN HARI BANDARAYA
SEBERANG PERAI KE-5 TAHUN 2024**

&

**MAJLIS PERASMIAN LAMAN WEB *LOCAL ACTION 21 (LA21)* MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI (MBSP)**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**28 SEPTEMBER 2024 (SABTU)
10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Barisan Whip Ahli Majlis

En Bernard Cheen Goon Hoi

Datuk Mohd Noor Bin Ahmad

En Muhamad Suzuki Bin Ahmad

Whip Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Seluruh Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, pertama sekali, saya memanjatkan rasa syukur dan puji-pujian yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T. kerana pada hari ini, dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Hari Bandaraya Seberang Perai Ke-5 Tahun 2024 dan Perasmian Laman Web Local Action 21 (LA21)** **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).**
2. Seperti yang kita semua sedia maklum, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dinaiktaraf menjadi Majlis Bandaraya Seberang Perai pada 16 September 2019, sekaligus menjadikan Negeri Pulau Pinang satu-satunya *city state* di Malaysia di mana setiap inci tanahnya ditadbir oleh Bandaraya.
3. Justeru, pada hari ini, seluruh Warga Seberang Perai menyambut Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai Kelima (5). Bagi memeriahkan suasana hari bandaraya, MBSP menyajikan pelbagai program dan aktiviti bersama warga MBSP dan warga Seberang Perai selama sebulan dan hari ini, pada 28 September 2024, merupakan hari kemuncak Sambutan Hari Bandaraya.

4. Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai tahun ini telah dimulakan dengan Majlis Bacaan Yaasin pada 13 September 2024 di Lobi Menara Bandaraya dengan diketuai oleh Imam Utama Masjid Daerah Seberang Perai Tengah.
5. Hari ini merupakan kemuncak Sambutan Hari Bandaraya, di mana program dimulakan seawal subuh dengan penganjuran Program Subuh Seramai Jumaat dengan kerjasama Masjid Daerah Seberang Perai Tengah. Qiamullail dan Subuh diimamkan oleh Syeikh Abdul Karim Al Makki manakala Ustaz Zul Ramli bergandingan dalam Forum Subuh. Selepas itu, para jemaah dibawa Berjalan Seribu Langkah melalui Lingkaran Bougainvillea menuju ke Taman Rekreasi *Upcycle* untuk menikmati sarapan di situ. Satu penganjuran yang baik dalam mendekatkan diri kita dengan masyarakat setempat di samping mengalakkan penglibatan anak-anak muda.
6. Terdapat pelbagai aktiviti dan pameran menarik yang disediakan di Menara Bandaraya pada hari ini seperti Pertandingan Memancing, "*Food Truck*", Persembahan Seni Bela Diri, "*Car Boot Sale*", Pameran Motosikal Klasik, Jualan Pokok Hiasan, Jualan Perabot *Upcycle*, "*Free Market Bundle*", Jalan-Jalan Makanan Tradisional, "*Soopa Doopa*" / Sukaneka, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Pameran oleh Agensi-Agenzi Kerajaan dan Swasta (Bomba, Pos Malaysia, PERKESO,

Perpustakaan Awam Pulau Pinang), Jualan Agro MADANI dan banyak lagi.

7. Dalam usaha untuk memperkuatkan identiti dan hala tuju bandaraya, Prinsip Panduan MBSP diteruskan dengan penggunaan **“Seberang Perai Bandaraya Untuk Semua”**. Ini mencerminkan komitmen MBSP untuk membina sebuah bandar raya yang inklusif, di mana setiap lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang dapat merasai kemajuan dan peluang yang wujud di Seberang Perai.
8. Fokus pengurusan dan perkhidmatan MBSP kali ini ditumpukan kepada tiga (3) fokus utama iaitu:
 - i. **Kebersihan Bandar** di mana MBSP perlu meningkatkan kualiti kebersihan melalui pengawasan berkala dan peningkatan kecekapan perkhidmatan. Kebersihan Bandar yang baik adalah cerminan kepada pengurusan Bandar yang berkualiti.
 - ii. **Pengukuhan Fiskal** pula menekankan kepada kawalan perbelanjaan yang efektif, meningkatkan hasil bandar raya dan memastikan kewangan MBSP berada dalam keadaan yang sihat dan stabil.
 - iii. **Pemerkasaan Penguatkuasaan** bertujuan untuk memastikan setiap aspek penguatkuasaan peraturan dan undang-undang dijalankan secara bersepadu dan efisyen.

9. Saya berharap agar Seberang Perai dapat diaspirasikan untuk berkembang sebagai sebuah bandar raya yang mampan dan sentiasa *ready for business*.

10. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian, pada pagi ini juga, kita akan merasmikan Laman Web Local Action 21 (LA21) Majlis Bandaraya Seberang Perai. Laman Web *Local Action 21* (LA21) telah dibangunkan dan dikemaskini berdasarkan konsep dan kehendak Ahli Jawatankuasa Induk LA21. Melalui laman web ini, Masyarakat dapat mengenali dengan lebih mendalam mengenai *Local Action 21* MBSP serta aktiviti dan program yang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai.

11. Melalui Laman Web LA21 ini juga, masyarakat dapat mengetahui pelbagai maklumat berkaitan LA21 yang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai iaitu:-
 - i. Senarai aktiviti beserta gambar bagi program LA21 yang dijalankan.
 - ii. Info berkaitan pengasingan sisa di punca dan kaedah untuk menjalankan kitar semula.
 - iii. Senarai pusat kitar semula MBSP / komuniti dan perumahan berstrata.
 - iv. Senarai pembeli barang kitar semula.
 - v. Katalog jualan barang Upcycle.

- vi. Info berkaitan pengurusan sisa *E-waste*.
 - vii. Maklumat mengenai program-program LA21 yang dijalankan sepanjang tahun. Contohnya seperti Anugerah Sekolah Hijau, Anugerah Kitar Semula FNHB dan Pertandingan Pengumpulan Barang *E-waste* oleh Pusat Kitar Semula.
12. Selain itu melalui Laman Web LA21 ini, orang ramai boleh mengemukakan permohonan untuk mengadakan program atau menyertai program LA21 yang dijalankan oleh Bahagian Persekutaran Mampan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBSP.
13. Diharap melalui Laman Web *Local Action 21* (LA21) Majlis Bandaraya Seberang Perai ini, masyarakat dapat mengenali dan memahami aktiviti serta peranan yang dijalankan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui *Local Action 21* (LA21) dalam merealisasikan dan melahirkan masyarakat yang berperanan sebagai pengguna bijak (*Smart Consumption*) untuk mencapai *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production* dan *Climate Action*. Selain itu, melalui info yang disebarkan di dalam laman web ini, masyarakat lebih prihatin dan cenderung dalam menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.

14. Akhir kata, MBSP akan sentiasa memastikan segala usaha yang dilaksanakan adalah seiring dengan hasrat *Penang2030*. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir yang menyokong program-program dan usaha-usaha MBSP menuju ke arah kecemerlangan Seberang Perai untuk menjadikan bandar ini selesa untuk didiami, bekerja, menjadi tarikan pelaburan, bandaraya pintar dan rendah karbon. Jadikan cabaran sebagai pemangkin semangat untuk kita terus berjuang ke arah “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

“SELAMAT HARI BANDARAYA”

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***